

# Dua pelajar bergaduh kena tindakan

BERITA HARIAN 21/6/17 m/s 25

**Nilai:** Dua pelajar lelaki yang rakaman video mereka bergaduh di Mantin dekat sini, menjadi viral di laman sosial, berhadapan tindakan disiplin walaupun kejadian itu berlaku di luar kawasan sekolah.

Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, Rusni Ab Jalil, berkata pihaknya akan mencadangkan kepada pengurusan sekolah berkenaan mengambil tindakan sebagai pengajaran.

“Kedua-dua pelajar bersama ibu bapa masing-masing sudah dipanggil ke sekolah hari ini (semalam). Hasil pertemuan itu, mereka mahu berdamai dan meminta maaf antara satu sama lain,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dalam rakaman video selama kira-kira satu minit itu, dua pelajar berkenaan yang memakai kemeja-T tanpa lengan bergaduh, manakala lebih 10 pelajar yang berpakaian seragam sekolah, bersorak mengelilingi mereka di sebuah taman permainan.

## Saling menyindir dalam Facebook

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Zaldino Zaludin, berkata hasil siasatan mendapati saling menyindir serta mengutuk termasuk di Facebook menjadi punca mereka berdentam.

“Mereka bersemuka di sekolah, Jumaat lalu. Pelajar yang berusia 16 tahun mengutuk pelajar berusia 17 tahun sebelum mencabarnya bergaduh di luar sekolah. Cabaran itu.

“Dengan diiringi kumpulan masing-masing, kedua-dua mereka kemudian bertemu di padang permainan kira-kira 100 meter dari sekolah pada jam 1 tengah hari dan bergaduh,” katanya di sini, semalam.